

KOSMO 7/8/06 (Ms 2)

Kampus bandar UiTM di Melaka

MELAKA - Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan mempunyai sebuah kampus bandar di Jalan Hang Tuah di sini dengan kapasiti 5,000 pelajar, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, Kementerian Pengajian Tinggi telah menyewa bangunan Yayasan Melaka untuk dijadikan kampus dengan pengambiln pelajar pertama dijangka tahun depan.

"Pengambilan pelajar akan dimulakan dengan seramai 2,000 hingga 3,000 orang," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Perwakilan UMNO Ba-

hagian Alor Gajah di Dewan Hang Kasturi, Seladar dekat sini semalam.

Mustapa berkata, kewujudan kampus bandar itu selaras usaha untuk memperbe-sarkan lagi UiTM dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan kini UiTM mempunyai 85,000 pelajar.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan diberi nama baru sesuai dengan tarafnya sebagai sebuah universiti.

"Namanya dalam proses untuk ditukar daripada kolej universiti kepada universiti, ini atas rayuan pensyarah dan pelajar ter-

masuk kerajaan negeri Melaka. Nama itu kita akan berunding dengan kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata, perkataan kolej pada universiti itu memberi persepsi kurang baik terutama oleh majikan terhadap graduannya.

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk pembinaan kampus induk universiti itu di Durian Tunggal dekat sini, katanya.

Beliau berkata, KUTKM yang ditubuhkan enam tahun lepas, kini mempunyai 5,000 pelajar dan mensasarkan 10,000 pelajar menjelang 2010. - Bernama